

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah serius wabak penyakit yang melanda perkampungan Orang Asli dan apakah langkah yang dilakukan untuk memastikan kawasan bebas daripada penyakit berbahaya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan siasatan dan membuat pemantauan berterusan sejak kejadian kluster penyakit jangkitan saluran pernafasan di Kuala Koh, Gua Musang yang dilaporkan pada 3 Jun 2019. Hasil siasatan mendapati kejadian kluster ini adalah berpunca dari jangkitan virus campak (measles) dimana sehingga 10 Julai 2019, kumulatif kes yang dilaporkan adalah sebanyak 181 kes dengan empat (4) kematian, iaitu di Kelantan (147 kes bergejala termasuk 3 kematian), Terengganu (26 kes bergejala termasuk 1 kematian) dan Pahang (8 kes bergejala, tiada kematian). Daripada jumlah tersebut, 88 kes telah disahkan measles melalui ujian makmal, iaitu 67 kes di Kelantan, 17 kes di Terengganu dan 4 kes di Pahang. Kesemua kes – kes kematian yang dilaporkan ini adalah kes yang disahkan demam campak melalui ujian makmal. Faktor penyumbang kepada penularan jangkitan campak adalah berpunca

dari liputan imunisasi yang rendah. Masalah kekurangan zat makanan pula menjadi penyumbang kepada komplikasi jangkitan measles ini.

Namun begitu, bagi kes-kes kematian yang dilaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pihak PDRM bersama dengan Pasukan Perubatan Forensik KKM telah membuat pencarian dan berjaya menemui mayat-mayat berkenaan. Pasukan Perubatan Forensik KKM telah menjalankan bedah siasat ke atas kesemua mayat dan sampel-sampel hasil bedah siasat telah diambil untuk ujian makmal bagi mengenalpasti sebab dan punca sebenar kematian. Keputusan ujian makmal ini dijangka boleh diketahui dalam masa terdekat.

Untuk makluman **YB Tanah Merah**, tindakan yang diambil juga melibatkan kerjasama dari Kementerian lain supaya ianya komprehensif dan berterusan, antaranya:

1. Mempertingkatkan status pemakanan komuniti Orang Asli. Buat masa ini, makanan harian yang dibekalkan kepada komuniti Orang Asli yang ditempatkan adalah seperti berikut:
 - i) Penempatan Rumah Inap Kesihatan Orang Asli oleh JAKOA; dan
 - ii) Penempatan PLKN Etnobotani oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
2. Memastikan bekalan air adalah bersih kepada komuniti Orang Asli di Kg. Kuala Koh.

Sementara itu, antara tindakan awalan KKM bagi mengatasi kejadian ini adalah:

1. Mengadakan carian kes secara aktif di perkampungan Orang Asli berkaitan dan di perkampungan sekitar berdasarkan pergerakan mereka sebelum ini.
2. Memberi Vitamin A kepada semua kanak-kanak bagi kes campak yang dirawat bertujuan meningkatkan status imuniti

memandangkan mereka mengalami masalah kekurangan zat makanan.

3. Menjalankan aktiviti imunisasi kepada semua penduduk Orang Asli di lokaliti terlibat.
4. Memberi pendidikan kesihatan kepada penduduk termasuk sesi kaunseling bagi mengurangkan tekanan dan keresahan. Ini termasuk dengan memberikan pendidikan kesihatan mengenai penjagaan kebersihan diri, kebersihan persekitaran serta pencegahan dari jangkitan penyakit.

Yang di-Pertua,

Sebagai langkah jangka panjang, pendekatan pelbagai Agensi dan pemegang taruh perlu dilibatkan bagi menyediakan pelan strategik untuk populasi Orang Asli dengan cara hidup *semi-nomadic* dengan tujuan memperkuatkannya penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada mereka. KKM juga memerlukan kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi untuk memastikan liputan imunisasi dapat ditingkatkan sehingga mencapai lebih daripada 95% dan tahap pemakanan komuniti Orang Asli ditambah baik. Ini bagi memastikan rantaian jangkitan dan wabak penyakit tidak berulang lagi di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.